

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 11 Jun 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, APRIL 2025

Kadar pengangguran pada April turun kepada 3.0 peratus, kadar terendah dalam tempoh sepuluh tahun, dengan 525.9 ribu penganggur

PUTRAJAYA, 11 JUN 2025 – Kadar pengangguran pada April turun kepada 3.0 peratus, kadar terendah dalam tempoh sepuluh tahun, dengan 525.9 ribu penganggur, menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, April 2025**. Statistik ini menerangkan situasi penawaran tenaga buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan April 2025, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kedudukan ekonomi negara yang meyakinkan telah menyumbang kepada tenaga buruh yang stabil pada bulan tersebut, dengan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja dan kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi, manakala pengangguran terus menurun. Pada bulan April 2025, bilangan tenaga buruh terus berada pada trend menaik, dengan peningkatan sebanyak 0.2 peratus kepada 17.34 juta orang (Mac 2025: 17.31 juta orang). Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh naik sebanyak 0.1 mata peratus kepada 70.8 peratus (Mac 2025: 70.7%), menunjukkan lebih ramai penyertaan buruh dalam pasaran."

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa bilangan penduduk bekerja pada April 2025 meningkat, dengan pertambahan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.82 juta orang berbanding 16.78 juta orang pada bulan sebelumnya. Sementara itu, bilangan penganggur menurun sebanyak 0.7 peratus kepada 525.9 ribu orang pada April 2025 (Mac 2025: 529.6 ribu orang). Kadar pengangguran April mencecah kadar terendah dalam tempoh satu dekad iaitu pada 3.0 peratus (April 2015: 3.0%), berbanding Mac 2025 (3.1%).

Mengulas lebih lanjut mengenai trend guna tenaga, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa kategori pekerja merangkumi 75.1 peratus daripada jumlah penduduk bekerja. Kategori ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus, mencecah seramai 12.63 juta orang pada April 2025, berbanding 12.61 juta orang pada bulan sebelumnya. Pada masa yang sama, bilangan penduduk bekerja sendiri bertambah sebanyak 0.6 peratus kepada 3.16 juta orang, berbanding 3.15 juta orang yang direkodkan pada bulan lalu.

Melihat dari sudut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan berada dalam trend peningkatan, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit; Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; dan aktiviti Pengangkutan dan penyimpanan. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja turut meningkat dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, Pertanian, serta Perlombongan dan pengkuarian.

Menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan April 2025, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa 79.6 peratus daripada bilangan penganggur adalah penganggur aktif, atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Pada bulan tersebut, bilangan penganggur aktif menurun sebanyak 0.5 peratus kepada 418.6 ribu orang (Mac 2025: 420.7 ribu orang). Dalam kalangan penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan merangkumi 64.2 peratus, manakala 5.3 peratus adalah merupakan mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Begitu juga, penganggur tidak aktif, atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, menurun sebanyak 1.5 peratus merekodkan 107.2 ribu orang (Mac 2025: 108.9 ribu orang).

Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal 10.3 peratus pada April 2025, dengan 298.3 ribu penganggur belia (Mac 2025: 299.7 ribu orang). Sementara itu, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun turun kepada 6.2 peratus, dengan bilangan penganggur belia seramai 400.6 ribu orang (Mac 2025: 6.3%; 399.4 ribu orang).

Pada April 2025, bilangan penduduk di luar tenaga buruh naik sebanyak 0.2 peratus kepada 7.17 juta orang berbanding bulan sebelumnya (Mac 2025: 7.16 juta orang). Komposisi utama penduduk di luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merangkumi 43.7 peratus, diikuti oleh sebab bersekolah/ latihan iaitu 41.1 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, tenaga buruh negara dijangka akan terus optimis dan berkembang menjelang bulan-bulan berikutnya pada tahun 2025, disokong oleh dasar ekonomi yang kukuh dan permintaan domestik yang stabil. Walaupun terdapat ketegangan geopolitik global, tenaga buruh Malaysia dilihat akan terus berdaya tahan

berikutan pengangguran yang stabil, sektor Perkhidmatan dan teknologi yang terus berkembang serta peningkatan pelaburan dalam digitalisasi dan automasi.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengarusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Januari^r - April^r, November^r - Disember^r 2024, dan Januari - April 2025



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, April 2015, Januari^r - April^r, November^r - Disember^r 2024, dan Januari - April 2025



Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari^r - April^r, November^r - Disember^r 2024, dan Januari - April 2025



Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 JUN 2025**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, June 11th 2025

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, APRIL 2025

April's unemployment rate drops to 3.0 per cent, the lowest rate in ten years, with 525.9 thousand unemployed

PUTRAJAYA, JUNE 11, 2025 – April's unemployment rate drops to 3.0 per cent, the lowest rate in ten years, with 525.9 thousand unemployed, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, April 2025**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Explaining the overall performance for April 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “A promising country’s economic position has contributed to stable progress in Malaysia’s labour force during the month, with an increase in the number of employed persons and higher labour force participation rates, while unemployment continues to decrease. In April 2025, the number of labour force continued its upward trend, increasing by 0.2 per cent to 17.34 million persons (March 2025: 17.31 million persons). Consequently, the labour force participation rate rose by 0.1 percentage points to 70.8 per cent (March 2025: 70.7%), indicating more labour participation in the market.”

The Chief Statistician of Malaysia also added that the number of employed persons in April 2025 was increasing, with a rise of 0.2 per cent to 16.82 million persons compared to 16.78 million persons last month. Meanwhile, the number of unemployed persons decreased by 0.7 per cent to 525.9 thousand persons in April 2025 (March 2025: 529.6 thousand persons). April's unemployment rate hit the lowest rate in a decade at 3.0 per cent (April 2015: 3.0%), compared to March 2025 (3.1%).

Commenting further on the employment trends, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin emphasised that the employees’ category accounted for 75.1 per cent of the total employed persons. This category experienced a 0.2 per cent increase, reaching 12.63 million persons in April 2025, compared to 12.61 million persons in the previous

month. Similarly, the number of own-account workers edged up by 0.6 per cent to 3.16 million persons, as against 3.15 million persons recorded last month.

In terms of economic sector, the number of employed persons in the Services sector was on an increasing trend, particularly in Wholesale and retail trade; Accommodation and food & beverage services; and Transportation & storage activities. Likewise, the number of employed persons also increased in the Manufacturing, Construction, Agriculture, and Mining & quarrying sectors.

Elucidating further on the unemployment situation in April 2025, the Chief Statistician Malaysia highlighted that 79.6 per cent of the unemployed persons were actively unemployed, or those who were available for work and were actively seeking jobs. During the month, the number of actively unemployed declined by 0.5 per cent to 418.6 thousand persons (March 2025: 420.7 thousand persons). Among the actively unemployed, those who were unemployed for less than three months comprised 64.2 per cent, whereas 5.3 per cent were those who were in long-term unemployment for more than a year. Similarly, the inactively unemployed, or those who believed that there were no jobs available, decreased by 1.5 per cent to record 107.2 thousand persons (March 2025: 108.9 thousand persons).

The unemployment rate for youth aged 15 to 24 years was unchanged at 10.3 per cent in April 2025, with 298.3 thousand unemployed youths (March 2025: 299.7 thousand persons). Meanwhile, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years fell to 6.2 per cent, with the number of unemployed youths at 400.6 thousand (March 2025: 6.3%; 399.4 thousand persons).

In April 2025, the number of persons outside the labour force rose by 0.2 per cent to 7.17 million persons as compared to the preceding month (March 2025: 7.16 million persons). The major composition of the outside labour force was housework/ family responsibilities accounted for 43.7 per cent, followed by schooling/ training reasons at 41.1 per cent.

Concluding the statement, the country's labour force is anticipated to remain optimistic and expand in the coming months of 2025, bolstered by strong economic policies and stable domestic demand. Despite the global geopolitical tensions, Malaysia's labour force is seen to remain resilient due to stable unemployment, the growing Services sector and technology, as well as an increasing investment in digitalisation and automation.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Employed persons, Malaysia, January^r - April^r, November^r - December^r 2024, and January - April 2025




Chart 2: Unemployment, Malaysia, April 2015, January^r - April^r, November^r - December^r 2024, and January - April 2025





Chart 3: Outside labour force, Malaysia, January^r - April^r, November^r - December^r 2024, and January - April 2025



Note:^r Revision based on the current population estimates from the Population and Housing Census of Malaysia 2020

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11th JUNE 2025**